

BERITA HARIAN

DATE: 2/12/2009

Muhyiddin mahu Nik Aziz terus jadi pemimpin Pas

BH - 2/12/2009

Tindakan Menteri Besar Kelantan cermin sikap sebenar parti

Oleh Mohd Roji Abdullah
mdroji@bharian.com.my

PONTIAN: Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat terus kekal menjadi pemimpin parti itu kerana banyak perkara yang akan dilakukannya dapat mencerminkan sikap sebenar parti berkenaan.

Timbalan Perdana Menteri juga yakin Nik Aziz tidak akan tunduk kepada desakan pelbagai pihak supaya meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar Kelantan kerana sudah menjadi lumrah politik, seseorang tidak akan berhenti apabila disuruh.

"Bagaimanapun, jika lebih lama Nik Aziz memegang jawatan dalam pentadbiran negeri dan parti, lebih bagus

kerana sikap beliau yang sering menimbulkan kontroversi akan mencerminkan sikap sebenar pemimpin Pas.

"Kalau kepala (ketua) mereka sebagai Mursyidul Am Pas sering menimbulkan keadaan kucar kacir, rakyat khususnya orang Islam tentu rasa tak selesa dan bimbang.

"Beliau (Nik Aziz) suka membuat pelbagai fatwa songsang yang bercanggah dengan agama, sebab itu saya kata lagi lama beliau memerintah lagi bagus kerana lagi banyak perkara yang dilakukannya akan mencerminkan sikap sebenar pemimpin Pas," katanya selepas merasmikan Loji Janakuasa Tanjung Bin di sini, semalam.

Hadir sama pada majlis perasmian loji janakuasa terbesar di Asia Tenggara yang di-

bina dengan kos RM7.8 bilion itu ialah Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman; Pengerusi Malakoff Corporation Berhad, Tan Sri Abdul Halim Ali dan Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Tan Sri Leo Moggie anak Irok.

Muhyiddin berkata, beliau hairan Pas yang memiliki barisan ahli dan pemimpin kalangan tokoh agama, tetapi tidak seorang pun yang berani menegur kesilapan dilakukan Nik Aziz.

"Kalau pemimpin lain dalam parti itu tidak berani menegur seorang daripada mereka yang melakukan kesilapan, itu bermakna bersubahat dan mereka tentunya tahu, apa hukumnya bersubahat," katanya.

Ditanya usaha pihak tertentu yang terus mahukan kerajaan mempertimbang-

kan bekas Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya (PKM), Chin Peng kembali ke Malaysia, Muhyiddin berkata Kabinet sudah membuat keputusan dan tidak melayan permintaan itu.

Menyentuh mengenai krisis kewangan yang dihadapi Dubai, Muhyiddin berkata masih terlalu awal untuk melihat kesannya terhadap ekonomi negara ini.

Beliau berkata, krisis itu baru berlaku dan masih ada masa untuk mencari pendekatan untuk mengelakkannya mempengaruhi situasi ekonomi negara dan Asia Tenggara.

"Kerajaan akan terus memantau secara dekat perkembangan yang berlaku di Dubai itu bagi memastikan ia tidak menular ke negara ini," katanya.